



TEKUN... Pelajar sekolah rendah luar bandar menumpukan perhatian terhadap pembelajaran.



HADIAH... Dr. Khalid Hj Johari menyampaikan hadiah kepada pelajar yang berjaya.

OLEH ISMAIL ALI JS

PEMBANGUNAN dalam bidang pendidikan khususnya di luar bandar akan diutamakan dan merupakan asas penting dalam memastikan rakyat khususnya pelajar tidak ketinggalan dalam arus pendidikan negara. Justeru kerajaan amat prihatin dalam membangunkan remaja khususnya pelajar kerana mereka ini bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa depan.

Keprihatinan Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mengorak langkah dalam membimbing pelajar sekolah rendah dan menengah menerusi program "Scaling Up Education In Community" yang dianjurkan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) dan kerjasama, Jabatan Pendidikan Negeri berserta Pusat Hubungan Alumni yang menjadi wadah kepada kesinambungan pelajar untuk menanamkan minat mereka untuk terus belajar hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

Program yang akan bermula pada 29 Julai hingga 1 Ogos 2010 di Kg. Salarom Taka, Nabawan ini juga merupakan majlis perasmian kelab Alumni UMS bagi kawasan Pedalaman. Program ini juga menjadi 'intro' kepada masyarakat di luar UMS bahawa graduan yang dihasilkan berkeupayaan dalam melaksanakan program berimpak tinggi terhadap pembangunan di Sabah, khususnya peningkatan kualiti sosio-ekonomi masyarakat pedalaman sebagai perseediaan mereka menghadapi arus perubahan global.

Melalui program ini memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar luar bandar. Program ini juga merupakan satu langkah awal, untuk mengeratkan hubungan, interaksi antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat secara keseluruhannya yang berkaitan dengan UMS. Selain dari itu, program ini merupakan satu platform untuk mahasiswa/I dan staf UMS untuk menyumbangkan bakti kepada masyarakat setempat.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), Prof Madya Dr. Kasim Hj. Md. Mansur peranan UMS dalam menjana perkembangan ilmu di samping menjadi menjadi anjakan paradigma agar pelajar luar bandar dan bandar mendapat pendidikan yang terbaik selaras dengan kehendak pasaran sumber manusia masa kini.

Katanya, "dengan adanya program Universiti Bersama Masyarakat ini keperluan para pelajar yang akan menghadapi

Alumni UMS tabur bakti di Salarom Taka, Nabawan

peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM pada hujung tahun ini dan merupakan platform dalam membantu mereka mempersiapkan dan memperluaskan diri bagi menghadapinya".

Untuk merealisasikan hasrat ini, Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan satu sumber yang boleh dimanfaatkan oleh universiti dengan harapan komuniti ini dapat menyumbang kepada kecemerlangan universiti ke mercu yang lebih tinggi, seiring dengan visi, misi dan matlamat universiti.

Katanya, sebagai anak didik universiti Alumni wajar berbangga dengan universiti yang telah berjasa kepadanya. Ini adalah kerana di situlah tempat dimana ilmu yang ditimba telah mencorak kehidupan yang dikecapi oleh alumni sekarang.

Pada masa yang sama universiti juga bergantung kepada bekas-bekas pelajarnya supaya mereka dapat memberi sumbangan balik kepada alma mater. Sumbangan tidak semestinya dalam bentuk fizikal bahkan merangkumi sokongan dalam aspek hubungan awam yakni sosial dan moral dan mengutamakan kepentingan masyarakat sejajar dengan konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

Sementara itu menurut penyelar program Dr. Khalid Hj Johari yang juga merupakan pensyarah kanan dan ketua Program Pendidikan dan Ekonomi Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial (SPPS) berkata, "matlamat program adalah mempertingkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran alumni UMS menerusi pemerkasaan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat yang bertujuan meningkatkan keupayaan akses maklumat dalam kalangan masyarakat sekitar berhubung dengan kemudahan pembelajaran dan peningkatan kualiti hidup masyarakat setempat".

Dalam masa yang sama program ini da-


pat Menyediakan "One Stop Learning Center", iaitu pusat penyebaran maklumat berkaitan pendidikan, sosial dan ekonomi bagi komuniti setempat selain mendidik masyarakat setempat khususnya belia, mendapat pendedahan terhadap peluang-peluang dalam membangunkan potensi komuniti, selain meningkatkan kemahiran murid dalam pembelajaran akademik dan ko kurikulum.

Sebanyak 4 modul akan dibentangkan dan diselaraskan semasa program ini berlangsung iaitu; Mempertingkatkan kesedaran, pengetahuan dan kemahiran alumni UMS menerusi pemerkasaan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat; Meningkatkan pengetahuan guru-guru dan masyarakat dalam membina persekitaran pembelajaran yang sihat, menarik dan lestari; Meningkatkan kemahiran murid dalam pembelajaran akademik dan ko kurikulum dan Meningkatkan semangat belajar di kalangan alumni untuk melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni menyeru kepada Alumni UMS supaya dapat meluangkan masa untuk sama-sama menghadiri program yang akan diadakan ini dan diseluruh pelusuk negeri Sabah dengan harapan sama-sama membantu hasrat UMS dalam memajukan masyarakat luar bandar dalam meningkatkan pencapaian pendidikan luar bandar.

Pendaftaran Alumni UMS dan pelancaran Kelab Alumni juga akan dijalankan semasa program ini berlangsung.

Sebagai Universiti awam ke 9 ditubuhkan di Malaysia, Universiti Malaysia Sabah (UMS) ditubuhkan untuk memenuhi keperluan pembangunan sumber tenaga manusia yang berilmu dan berketerampilan dalam negara yang pesat membangun khususnya untuk rakyat negeri Sabah.



PROF Madya Dr. Kasim Hj Mansur TNC Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMS.

UMS melalui Pusat Hubungan Alumni akan sentiasa beriltizam untuk berbakti kepada komuniti, negara dan antarabangsa melalui pengajaran, penyelidikan dan khidmat bakti masyarakat yang mencipta keunggulan, kemajuan dan kesejahteraan yang tinggi.

Era globalisasi, menyaksikan bidang pendidikan memerlukan kita mempersiapkan dan memperluaskan diri dengan penuh ketabahan. Seperti yang kita maklum pendidikan merupakan aset penting yang harus ada di kalangan generasi akan datang. Sewajarnya pelajar perlu disajikan dengan pembelajaran yang lebih kondusif, bersistematik demi untuk mengharungi masa depan.

Usaha murni ini wajar diteruskan Alumni UMS dari masa ke masa supaya hasrat kerajaan khususnya UMS dalam memastikan lebih ramai lagi pelajar-pelajar dari luar bandar berpeluang menyertai program ini.

Melalui program sedemikian, para pelajar sudah tentunya akan bercita-cita besar untuk melanjutkan pembelajaran mereka ke Universiti. Sebarang pertanyaan mengenai program ini boleh menghubungi Ismail Ali ditalian 088 320000 sambungan 1271 dan Kim Asbiyallah Shah Akim ditalian 088 320000 sambungan 4223 atau melayari <http://www.ums.edu.my/alumni> untuk keterangan lanjut.